



KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
21 April 2019

Minggu Saham Amanah Malaysia 2019 menyambut ribuan warga Sungai Petani

Tekankan Kepentingan Pelaburan untuk Masa Depan

SUNGAI PETANI, 21 April 2019 – Selari dengan komitmen untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, Permodalan Nasional Berhad sekali lagi menganjurkan program tahunannya, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang diadakan di Sungai Petani, Kedah dari 19 hingga 25 April 2019.

MSAM 2019 telah dirasmikan pagi ini oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui rakaman perutusan khas yang ditayangkan buat khalayak ramai di pekarangan Amanjaya Mall, Sungai Petani hari ini. Hadir di majlis perasmian ialah Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, YB Dato' Seri Azmin Ali; Pengerusi Kumpulan PNB, YBhg. Tan Sri Dr. Zeti Aziz; dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, YBhg. Dato' Abdul Rahman Ahmad.

Ianya adalah MSAM 2019 edisi ke-20 sejak pertama kali dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 2000. Bertemakan '***Pelaburan untuk masa depan***', pengunjung MSAM 2019 serta pemegang unit PNB akan dapat memahami perjalanan pelaburan mereka melalui Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB. Acara yang berlangsung selama seminggu ini turut menampilkan syarikat-syarikat Strategik dan juga beberapa syarikat Teras PNB, bagi mempamerkan nilai yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat tersebut yang mana seterusnya mendatangkan pulangan buat pemegang unit.

Dalam ucapan alu-aluan beliau, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, "***Pelaburan untuk masa depan***' dipilih sebagai tema MSAM 2019 kerana ia sangat relevan dalam konteks

masyarakat masa kini. Pengaruh-pengaruh persekitaran semasa menuntut kita untuk membuat perancangan dan persediaan yang lebih terancang untuk memenuhi tuntutan kewangan masa depan kita. Rakyat Malaysia, walau apa pun tahap pendapatan mereka, perlu memperkukuhkan perancangan dan pengurusan kewangan masing-masing.”

MSAM edisi 2019 menampilkan elemen digital baharu, seiring dengan usaha PNB untuk meningkatkan perkhidmatan digital demi kemudahan urusan pemegang unit. Justeru itu, majlis perasmian menyaksikan pelancaran aplikasi baharu myASNB yang akan membolehkan pemegang unit mengakses akaun mereka dengan pantas. Aplikasi baharu myASNB membolehkan pemegang unit untuk mendapatkan akses yang cepat dan mudah dengan hanya satu sentuhan butang dan direka khas untuk segmen pasaran pengguna generasi muda kerana ianya boleh diakses terus melalui telefon pintar. Antara ciri aplikasi ini termasuklah membolehkan pemegang unit melabur terus dari bank mereka melalui FPX dan memuat turun penyata akaun terperinci. Aplikasi ini boleh dimuat turun di Google Play Store dan Apple App Store. Bersempena dengan pelancaran aplikasi ini, ASNB akan menghadihkan RM10 kepada 5,000 pelabur pertama yang memuat turun aplikasi myASNB dan membuat pelaburan minimum RM100, bermula 21 April 2019.

Pemenang hadiah utama bagi Peraduan Pengunjung Bertuah yang berjaya membawa pulang sebuah Perodua Aroz tajaan PERODUA dan pemenang sebuah motosikal Honda Dash serta telefon pintar iPhone juga telah diumumkan di Majlis Perasmian MSAM 2019. Sementara itu, pengunjung yang mengambil bahagian dalam e-Peraduan berpeluang untuk memenangi sebuah Ford Ranger 2.2L XLT, sebuah Toyota Vios 1.5G dan sebuah motosikal Yamaha R25, serta banyak lagi hadiah harian.

PNB juga turut mengumumkan biasiswa bagi 200 orang pelajar dari keluarga B40, yang terdiri daripada 100 orang pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan 100 orang pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) bagi memperluas akses peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar yang layak. Khusus bagi lokasi MSAM pada tahun ini, PNB juga mengumumkan sumbangan sebanyak RM1.0 juta untuk membaik pulih dan membeli peralatan baharu bagi Unit Hemodialisis di Hospital Sultan Abdul Halim demi manfaat komuniti Sungai Petani.

Antara acara utama MSAM 2019 adalah aktiviti dan program interaktif yang menarik buat semua lapisan umur, iaitu termasuk Cabaran Pengurusan Kewangan ASNB, Jejak Pelabur Bijak dan Jejak Pelabur Cilik S P Setia. Program-program ini mencerminkan objektif PNB untuk mendidik segmen pasaran generasi muda tentang literasi kewangan serta menyemai

kefahaman mengenai kewangan dari usia muda. Sebanyak 15 buah kiosk ASNB turut dibuka di MSAM supaya pengunjung boleh mengemas kini akaun ASNB mereka secara dalam talian. Para pengunjung boleh menggunakan aplikasi PNB Events untuk mendapatkan maklumat mengenai program harian dan aktiviti yang akan berlangsung sepanjang MSAM 2019.

Tahun ini merupakan tahun kedua MSAM dianjurkan di Kedah, dengan Alor Setar sebagai lokasi penganjuran 17 tahun lalu, pada tahun 2002. Negeri Kedah mempunyai lebih sejuta pemegang unit dengan jumlah pelaburan sebanyak 13.5 bilion unit dan PNB menyasarkan seramai 150,000 pengunjung untuk tahun ini. MSAM telah berjaya menarik ribuan pengunjung setiap tahun, menjadikan jumlah pengunjung seramai lebih 3.8 juta sejak penganjurannya, dengan purata 200,000 pengunjung setiap tahun. MSAM 2019 dibuka pada setiap hari dari 19 hingga 25 April dari 10 pagi hingga 10 malam, kecuali pada 25 April yang akan berakhir pada jam 5 petang. Masuk adalah percuma.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM298 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. Dengan pelancaran dua unit amanah harga berubah baharu pada September 2018, ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan lebih 236 bilion Unit dalam Edaran (UIC) dan 13.8 juta akaun. Untuk maklumat lanjut layari www.asnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad